



---

**GARIS PANDUAN PASCA COVID -19  
KEMASUKAN PELAJAR KE KAMPUS  
DAN  
PROSEDUR OPERASI STANDARD BAGI  
PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN  
SESI II 2021/2022**

---

**25 FEBRUARI 2022**

**GARIS PANDUAN KEMASUKAN PELAJAR KE KAMPUS  
DAN PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP)  
BAGI PROSES PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN  
SESI II 2021/2022**

**1.0 TUJUAN**

Garis Panduan Kemasukan Pelajar Ke Kampus dan Prosedur Operasi Standard Bagi Proses Pengajaran dan Pembelajaran Sesi II 2021/2022 ini bertujuan menerangkan dengan lebih jelas langkah- langkah yang perlu diambil oleh pelajar dan pegawai Politeknik Kuching Sarawak (PKS) bagi pengurusan pelajar Sesi II 2022/2022.

**2.0 LATAR BELAKANG**

Kemasukan pelajar ke kampus PKS adalah merujuk kepada Sesi Libat Urus Kemasukan Pelajar ke Kampus bagi sesi II 2021/2022 bersama Pengurusan Politeknik dan Kolej Komuniti serta Pengarah Bahagian yang membenarkan kemasukan pelajar sebanyak 70 peratus hingga 100 peratus. Oleh itu, pelajar PKS akan kembali ke kampus mulai 27 Februari 2022 bagi mengikuti pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara hibrid di kampus PKS.

Sehubungan dengan itu, **Garis Panduan Kemasukan Pelajar Ke Kampus dan Prosedur Operasi Standard (SOP) Bagi Proses Pengajaran dan Pembelajaran Bagi Sesi II 2021/2022** disediakan bertujuan memberi panduan tambahan yang lebih berfokus kepada pengoperasian PKS bagi mengekang penularan wabak Covid-19 seiring dengan arahan semasa Kerajaan. Prosedur ini hendaklah dibaca bersama **SOP Sektor Pendidikan Tinggi: Pengoperasian IPT** bertarikh **17 Februari 2022** dan **Strategi Pengujian Covid-19 Kebangsaan** yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia bertarikh **26 November 2021**.

### **3.0 PROSEDUR OPERASI STANDARD BAGI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DI KAMPUS PKS**

Pelaksanaan PdP secara hibrid di dalam kampus akan dijalankan dengan mematuhi sepenuhnya SOP dan mengutamakan keselamatan serta kebajikan pelajar sepertimana yang terkandung dalam **Garis Panduan Pengurusan Operasi Politeknik Kuching Sarawak Pelan Pemulihan Negara Sektor Pendidikan Tinggi** yang telah dikeluarkan pada **25 Februari 2022**.

#### **3.1 TATACARA KELUAR MASUK KE KAMPUS PKS**

- 3.1.1 Pelajar perlu mengimbas semua **QR Code MySejahtera** yang tersedia di setiap fasiliti di dalam kampus PKS sepanjang berurusan di dalam kampus.
- 3.1.2 Pelajar perlu menjaga jarak fizikal dan memakai pelitup muka sepanjang berurusan di semua fasiliti di dalam kampus PKS dan mengamalkan **3W (Wash, Wear, Warn)**.
- 3.1.3 Pelajar yang menghuni kolej kediaman (pelajar asrama) dibenarkan keluar bagi membeli barang keperluan pada hujung minggu (Sabtu & Ahad) dan kembali semula ke kampus sebelum jam 7:00 petang pada hari yang sama.
- 3.1.4 Namun demikian, pelajar asrama tidak dibenarkan bermalam di luar.
- 3.1.5 Pelajar asrama yang ingin keluar hendaklah melakukan permohonan melalui SPMP (i-Kamsis) sekurang-kurangnya TIGA (3) hari sebelum tarikh keluar bagi memastikan permohonan diluluskan dan direkodkan oleh pihak pengurusan asrama.

#### **3.2 PELAKSANAAN PdP BAGI SESI II 2021/2022 DI KAMPUS PKS**

- 3.2.1 Pelaksanaan PdP secara bersemuka hendaklah mematuhi kapasiti yang ditetapkan bagi sesebuah bilik kuliah/makmal/bengkel sesuai dengan SOP bagi memastikan jarak fizikal di antara pelajar dipatuhi dan mengelakkan konsep 3S (Sesak, Sempit dan Sembang Dekat).
- 3.2.2 Pelajar hendaklah sentiasa membawa pelitup muka dan *hand sanitizer* bagi

kegunaan diri sendiri sepanjang mengikuti sesi PdP di dalam kampus.

- 3.2.3 Pelajar juga hendaklah sentiasa bersedia dengan **Kit Kendiri Ujian COVID-19** ketika mengikuti PdP di kampus bagi tujuan pemeriksaan secara rawak yang akan dilakukan dari semasa ke semasa oleh PKS.
- 3.2.4 Pelajar yang bergejala (demam, batuk, selesema, sakit tekak) **WAJIB** melakukan ujian saringan sendiri COVID-19 dan melaporkan keputusan ujian saringan kepada Penasihat Akademik, serta merekodkannya ke dalam aplikasi **MySejahtera**.
- 3.2.5 Pelajar yang positif yang lengkap vaksinasi dan telah lengkap dos penggalak, perlu menjalani kuarantin selama 7 hari.
- 3.2.6 Pelajar yang positif, tidak lengkap vaksinasi **atau** tiada vaksinasi **atau** bergelaja, perlu menjalani kuarantin selama 10 hari.
- 3.2.7 Kontak rapat yang telah menerima dos penggalak wajib kuarantin 5 hari, jika mengalami gejala dalam tempoh kuarantin perlu menjalani RTK-Ag sendiri, sekiranya positif pengurusan kes mengikut tatacara pengurusan kes positif covid-19.
- 3.2.8 Kontak rapat lengkap vaksinasi tetapi belum menerima dos penggalak wajib kuarantin 7 hari, jika mengalami gejala dalam tempoh kuarantin perlu menjalani RTK-Ag sendiri sekiranya positif pengurusan kes mengikut tatacara pengurusan kes positif covid-19.
- 3.2.9 Kontak rapat belum lengkap **atau** tiada vaksinasi wajib kuarantin 10 hari, jika mengalami gejala dalam tempoh kuarantin perlu menjalani RTK-Ag sendiri sekiranya positif pengurusan kes mengikut tatacara pengurusan kes positif covid-19.
- 3.2.10 Pelajar yang positif dan pelajar kontak rapat akan dikecualikan daripada menghadiri kuliah secara bersemuka sehingga selesai menjalani tempoh kuarantin yang ditetapkan (Penasihat Akademik akan memaklumkan kepada pensyarah terlibat).
- 3.2.11 Pelajar yang menghuni kolej kediaman akan menjalani kuarantin di tempat yang disediakan, manakala pelajar luar kampus pula perlu menjalani kuarantin di kediaman (rumah keluarga/rumah sewa) yang berdaftar sepertimana alamat yang terdapat di SPMP/atau dilaporkan kepada Penasihat Akademik.
- 3.2.12 Pelajar yang belum lengkap vaksinasi atau tiada vaksinasi perlu menjalani

ujian saringan sendiri RTK-Ag secara berkala (setiap minggu) dan melaporkan keputusan tersebut kepada Penasihat Akademik.

3.1.13 Pelajar hendaklah bersedia menunjukkan MySejahtera kepada pensyarah/kakitangan PKS apabila diperlukan.

### **3.3 PENGURUSAN PELAJAR DI ASRAMA (KOLEJ KEDIAMAN DESA SERAPI)**

3.3.1 Pemakaian pelitup muka, membersihkan tangan dengan kerap dan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1-meter perlu menjadi amalan kepada pelajar dan warga kerja bagi mengekang penularan wabak COVID-19.

3.3.2 Pelajar hendaklah menyediakan pelitup muka dan pencuci tangan sendiri untuk kegunaan harian dan menggunakannya apabila keluar daripada bilik.

3.3.3 Pelajar dilarang berkumpul untuk sebarang aktiviti tanpa kebenaran. Pelajar juga tidak dibenarkan berada di bilik rakan.

3.3.4 Pelajar dinasihatkan agar sentiasa memantau tahap kesihatan sendiri dan melaporkan dengan segera kepada penyelia asrama/warden sekiranya mengalami sebarang gejala.

3.3.5 Sekiranya pelajar mengalami gejala, pelajar boleh menghubungi pegawai UPKK, warden atau penyelia asrama untuk mendapatkan bantuan ke klinik berdekatan.

3.3.6 Aktiviti sukan dan rekreasi adalah dibenarkan dengan mematuhi SOP yang telah ditetapkan.

3.3.7 Sebarang perubahan peraturan adalah tertakluk kepada arahan **Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak (JPBN)** dan **Jawatankuasa COVID-19 PKS**.

## **4.0 TARIKH KUAT KUASA**

Garis Panduan ini adalah berkuatkuasa mulai daripada **25 Februari 2022**.

**PENGARAH**

**POLITEKNIK KUCHING SARAWAK**